

20 NOV 2001

Duta

MALAYSIA BUKA KEDUTAAN DI IRELAND

PUTRAJAYA, 20 Nov (Bernama) -- Malaysia akan membuka kedutaan di Ireland tidak lama lagi dengan pelantikan Datuk Ali Abdullah sebagai Duta Besar Malaysia yang pertama ke republik itu.

Ali yang sebelum ini Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe adalah antara 10 bakal duta besar dan pesuruhjaya tinggi Malaysia ke luar negara yang membuat kunjungan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau, di sini hari ini.

Ketika ditemui pemberita selepas kunjungan itu, Ali menyifatkan tugas beliau nanti sebagai agak mencabar memandangkan ini adalah kali pertama Malaysia mempunyai kedutaan di negara itu.

"Kerajaan Ireland memang mengharap-harapkan kita menubuhkan kedutaan besar di sana. Mereka sudah menubuhkan kedutaan mereka di sini untuk beberapa waktu jadi dengan penubuhan kedutaan kita itu, ia melambangkan perhatian yang kita berikan terhadap perhubungan dua hala," katanya.

Bagaimanapun Ali yang dijadualkan berlepas ke republik itu minggu depan yakin tidak akan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri di negara tersebut.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri sebelum itu, bakal Duta Besar Malaysia ke Iran, Mazlan Muhammad, berkata Dr Mahathir antara lain telah menasihatkan mereka supaya memastikan hubungan baik Malaysia dengan negara-negara berkenaan kekal terjalin.

Yang lain ialah bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Kanada, Datuk Dennis Joachim Ignatius, bakal Duta Besar ke Rusia, Datuk Kamaruddin Mustafa, bakal Duta Besar ke Thailand, Datuk Syed Norulzaman Syed Kamarulzaman, bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Australia, Mohd Arshad Manzoor Hussain, bakal Duta Besar ke Brazil Tai Kat Meng, bakal Duta Besar ke Filipina Mohd Taufik Mohd Noor, bakal Pesuruhjaya Tinggi ke Bangladesh Ashaary Sani, dan bakal Duta Besar ke Laos Md Daud Md Yusof.

-- BERNAMA

NM AHH NMO